

Budak terpaksa tanggung azab

Kanak-kanak dua tahun diikat kaki, tangan sebelum didera

Sinar 11/1/13 MS 18

IZWAN ROZLIN

GOMBAK - Seorang kanak-kanak perempuan yang baru berusia dua tahun terpaksa menanggung azab dan mungkin akan trauma sepanjang hayat selepas didera tanpa belas kasihan oleh teman lelaki ibunya yang dipercayai khayal selepas mengambil dadah.

Dalam kejadian Isnin lalu, ibu angkat mangsa, Roszaidah Mohd Salleh, 30, berkata, dia menerima panggilan daripada ibu kandung kanak-kanak itu memintanya datang ke rumah di Kampung Desa Aman selepas tidak tahan melihat anaknya itu didera dengan kejam oleh teman lelakinya sejak seminggu lalu.

Menurutnya, sebaik menerima panggilan itu dia bergegas ke rumah kanak-kanak itu namun tibanya dia di rumah itu, didapati berkunci malah panggilan juga tidak berjawab menyebabkan dia terpaksa meminta bantuan polis.

Roszaidah berkata, polis yang tiba kemudiannya bertindak mengarahkan pintu rumah itu dibuka sebelum dia menemui anak angkatnya Norfatin Aqilah Abdullah berada dalam keadaan menyayat hati.



Keadaan muka Norfatin yang lebam didera teman lelaki ibunya.

"Saya terkejut apabila melihat Norfatin berada dalam keadaan lemah dengan kesan lebam dan luka di beberapa bahagian badan termasuk muka," katanya ketika ditemui di Hospital Selayang di sini, semalam.

Menurutnya, teman lelaki adik angkatnya itu kemudiannya dibawa ke Balai Polis Desa Jaya manakala dia diarah untuk membawa kanak-kanak itu untuk pemeriksaan doktor di Hospital Selayang.

Katanya, Norfatin yang sudah

boleh bercakap sempat menceritakan kejadian bagaimana dia diikat dan dipukul.

Pemeriksaan lanjut pihak hospital mengesahkan kanak-kanak itu memang didera dan terpaksa ditahan sehari di hospital untuk rawatan lanjut.

Difahamkan, terdapat kesan ikatan pada pergelangan kaki dan tangan manakala kesan luka, termasuk lebam lama dan baru selain kesan seperti dicucuh putung rokok.



Pergelangan kaki Norfatin cedera dipercayai diikat suspek.

Roszaidah berkata, ibu kandung mangsa berusia 27 tahun menjalin hubungan dengan suspek berusia awal 20-an sejak lebih tiga bulan lalu.

"Hak penjagaan Norfatin memang diletakkan di bawah nama saya dan telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara namun memikirkan ibunya mahu berkahwin dengan lelaki itu, saya bersetuju untuk menyerahkan Norfatin kembali namun tidak sangka jadi begini," katanya

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan dan kes berkenaan sedang disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurutnya, polis telah meneliti laporan perubahan kanak-kanak termasuk menyoal siasat ibu angkat dan kandung kanak-kanak itu serta suspek terlibat kini telah ditahan untuk siasatan lanjut.